

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2012 [P.U.(A) 1/2012]


DISEDIAKAN OLEH: HUDA HELA LADIN





PELANTIKAN

- “**pelantikan**” bermaksud pelantikan ke dalam perkhidmatan awam oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak, termasuklah pelantikan kali pertama dan pelantikan seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam mana-mana skim perkhidmatan.

- 
- Pelantikan hendaklah mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.
 - Calon untuk semua pelantikan hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia [Per. 6(1)]
 - Pelantikan calon bukan warganegara dibuat secara kontrak sahaja [Per. 6(2)]
 - Seseorang yang meletak jawatan (Per. 7) atau dikehendaki bersara (Per. 8) boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam.
 - Pegawai yang **ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja tidak boleh dilantik semula** kecuali dengan kebenaran khas Suruhanjaya. (Per. 9)


- 
- Pegawai dibenarkan kembali ke skim perkhidmatan terdahulu jika:
 - ❑ ada **kekosongan** jawatan asal
 - ❑ **dipersetujui** oleh Ketua Perkhidmatan
 - ❑ jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu **di bawah PBM yang sama**





- Calon yang dilantik perlu mematuhi syarat berikut:(Per.20)
 - Membuat **pemeriksaan kesihatan** mana-mana pengamal perubatan berdaftar & diperakui sihat (PP 1/2013)
 - Membuat **Akuan Berkanun**
 - Menandatangani **Surat Aku Janji** (Per.4P.U.(A)395/93) bahawa akan mematuhi peraturan, pekeliling, surat pekeliling dan arahan lain dikeluarkan
 - **akuan setuju terima** daripada calon (Per. 22)

- Suruhanjaya boleh **membatalkan tawaran** pelantikan jika calon:
 - ✓ didapati **tidak sihat**
 - ✓ **tidak mematuhi** Akuan Berkanun
 - ✓ **tidak menandatangani** Surat Aku Janji

- 
- Tarikh pelantikan seseorang pegawai ialah pada **tarikh lapor diri untuk bertugas**
 - Tarikh lantikan tetap bagi pegawai sementara yang telah memenuhi syarat ialah pada tarikh Jawatankuasa Pemilih bermesyuarat dan meluluskan pelantikan tersebut.(Per. 24)

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Tempoh
Percubaan : 1
hingga 3 tahun

Program
Transformasi
Minda

Peperiksaan
Perkhidmatan
Awam (jika ada)

Perakuan Ketua
Jabatan

PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

- Pegawai hendaklah memohon sebaik sahaja tamat tempoh percubaan melalui Ketua Jabatan
- Jika setuju, Ketua Jabatan hendaklah memperakukan pelanjutan mengikut borang yang ditetapkan dengan menyertakan butir-butir:
 - ✓ sebab pegawai tidak disahkan
 - ✓ syor pelanjutan berdenda atau tanpa denda
 - ✓ maklumat perkhidmatan / peperiksaan [Per.30(3)]
- Pelanjutan tidak melebihi 12 bulan kecuali dalam keadaan khas [Per.30(5)]
- Pegawai dianggap berada dalam percubaan sehingga disahkan oleh pihak Universiti, walaupun pegawai itu telah mematuhi semua syarat yang ditetapkan bagi pengesahan dalam perkhidmatan itu.

PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN (SAMB.)

Perlanjutan : Tanpa Denda

- Pelanjutan kerana gagal disahkan dalam tempoh asal yang ditetapkan **BUKAN** disebabkan oleh Tindakan Tatatertib / kecuaiian pegawai.

Perlanjutan : Berdenda

- Pelanjutan kerana gagal disahkan dalam perkhidmatan disebabkan oleh kesilapan, kecuaiian dan kelemahan pegawai.

PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN (SAMB.)

- **Kesan** pelanjutan **tempoh percubaan dengan denda**
 - hilang kekananan selama tempoh pelanjutan
 - tiada pergerakan gaji dalam tempoh pelanjutan
 - tarikh pergerakan gaji berubah ke tahun berikutnya tertakluk kepada tarikh pengesahan (Per. 32) / [SPP 8/2009]

KEKANANAN

- **Kekananan** pegawai ditentukan mulai:
 - ✓ Tarikh **lantikan tetap bagi gred lantikan** atau gred lantikan terus
 - ✓ **tarikh naik pangkat** bagi gred naik pangkat [Per.34(1)]
 - ✓ jika dua atau lebih pegawai dilantik tetap atau naik pangkat pada tarikh yang sama, kekananan adalah sama. [Per.34(2)]

KENAIKAN PANGKAT

Tafsiran:

- Kenaikan pangkat **ke gred** – kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi dalam Kumpulan P&P dan Pelaksana dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama
- Kenaikan pangkat **ke jawatan** – kenaikan pangkat ke mana-mana jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi
- Kenaikan pangkat berdasarkan kekosongan kecuali bagi skim perkhidmatan tertentu misalnya Pegawai Penyelidik & Pensyarah(Per. 40) / (time based)
- Kenaikan pangkat seseorang pegawai berdasarkan **merit** (Per. 39)
- Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) menimbang merit kenaikan pangkat berasaskan:
 - ✓ kecekapan dan prestasi kerja
 - ✓ kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman
 - ✓ sifat peribadi
 - ✓ kegiatan/sumbangan
- LKP boleh menentukan aspek lain yang sesuai

KENAIKAN PANGKAT (SAMB.)

- Syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan berdasarkan **skim perkhidmatan**
- Syarat:
 - disahkan dalam perkhidmatan
 - tahap prestasi yang ditetapkan
 - memenuhi kompetensi dan potensi ditetapkan
 - diperakukan Ketua Jabatan / KetuaPerkhidmatan (Per. 40(I))

KENAIKAN PANGKAT (SAMB.)

- Pegawai pinjaman / tukar sementara hendaklah dipertimbangkan kenaikan pangkat di jawatan hakiki (Per. 41)
- Tarikh naik pangkat ditentukan oleh LKP [Per. 43(1)]
- Tidak lebih awal daripada tarikh kekosongan atau tarikh pegawai layak. [Per. 43(2)]

PENAMATAN PERKHIDMATAN

- Universiti **boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang belum disahkan** atas sebab berikut (Per. 48&51):
 - ✓ Menyembunyikan maklumat kesihatan
 - ✓ Membuat akuan palsu dalam akuan berkanun
 - ✓ Tidak menandatangani Surat Aku Janji
 - ✓ Meminda/ memalsukan dokumen pelantikan

PENAMATAN PERKHIDMATAN (SAMB.)

Penamatan Pegawai Yang Gagal Tapisan Keselamatan:

- Pegawai yang gagal tapisan keselamatan dalam tempoh percubaan atau tempoh percubaan yang dilanjutkan boleh ditamatkan perkhidmatan (PP 6/2011)
- Pegawai yang gagal tapisan keselamatan selepas disahkan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut P.U.(A)395/1993(Per. 49)

PENAMATAN PERKHIDMATAN (SAMB.)

Penamatan Pegawai Yang Gagal Disahkan:

- Universiti boleh menamatkan perkhidmatan pegawai yang gagal disahkan termasuk yang dilanjutkan tempoh percubaannya
- Bagi pegawai yang telah dapat taraf berpencen atas jawatan asal boleh dibersarakan, namun jika belum dapat taraf berpencen/ KWSP, pegawai ditamatkan perkhidmatan (Per. 50)

PENAMATAN PERKHIDMATAN (SAMB.)

Peluang Memberi Sebab / Notis:

- Penamatan perkhidmatan pegawai boleh dibuat setelah diberi peluang menunjuk sebab dalam tempoh tidak kurang daripada 14 hari (Per. 52)
- Penamatan perkhidmatan hendaklah dengan **notis 30 hari atau sebulan gaji sebagai ganti notis** (Per. 53)

LETAK JAWATAN

- Permohonan secara rasmi dan bertulis (notis) seseorang pegawai yang berhasrat untuk meletak jawatan kepada Ketua Jabatan. [Per. 54(2)]
- Hendaklah memberi notis peletakan jawatan seperti berikut:
 - tempoh 30 hari- mengikut tempoh ditetapkan dalam syarat pelantikan bagi pegawai selain lantikan tetap, jika tidak dinyatakan, 30 hari

ATAU

- Bayaran sebulan gaji* ganti Notis(Per.54)
- Peletakan jawatan berkuat kuasa pada hari berikutnya selepas hari yang notis diberikan oleh pegawai itu tamat.
- Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa **tidak boleh ditarik balik**

LETAK JAWATAN (SAMB.)

- Permohonan secara bertulis seseorang pegawai kepada Ketua Jabatan untuk **memendekkan tempoh notis peletakan jawatan** seperti yang ditetapkan. Jika diluluskan, **dikecualikan bayaran sebulan gaji**
- Sebab untuk diluluskan: (Per. 56)
 - ✓ menyandang jawatan dalam pihak berkuasa berkanun / pihak berkuasa tempatan/ GLC
 - ✓ pegawai dan/atau keluarga ada masalah kesihatan
 - ✓ menghadiri kursus / latihan
 - ✓ sebab-sebab lain yang diluluskan oleh KPPA



SEKIAN TERIMA KASIH

